



SIARAN AKHBAR

PEMBERHENTIAN PENGETUARAN MATA WANG DENOMINASI BND10,000

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan bahawa mulai 16 Rabiulawal 1442H bersamaan dengan 2 November 2020M, AMBD akan memberhentikan pengeluaran mata wang denominasi BND10,000 kepada semua bank di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya, akan mengeluarkannya daripada edaran.
2. Walau bagaimanapun, mata wang BND10,000 adalah masih sah diperlakukan dengan nilai muka yang penuh. Pemberhentian pengeluaran mata wang denominasi BND10,000 ini adalah salah satu langkah pihak AMBD untuk mengurangkan risiko-risiko berkaitan dengan aktiviti-aktiviti jenayah kewangan seperti pembersihan wang haram, pembiayaan pengganasan dan aktiviti pemalsuan mata wang Negara Brunei Darussalam yang berdenominasi tinggi.
3. Dalam pada itu, AMBD menggalakkan orang ramai untuk menggunakan kemudahan pembayaran alternatif yang tersedia di negara ini seperti kad debit dan kredit, serta pembayaran atas talian bagi transaksi bernilai tinggi.
4. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam, dan mengutamakan pelindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara ini. Jika orang ramai mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AMBD melalui talian 2388388 atau emel melalui info@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Ruj: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 11 Safar 1442H / 29 September 2020M